



## LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM OLEH PEGAWAI AWAM


Surat edaran JPA bertarikh 7 Jun 2013 "Tanggungjawab Pegawai Awam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Kemudahan Media Sosial di Internet"

### Peraturan 19 (1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Pegawai awam tidak boleh, sama ada **secara lisan atau bertulis atau dengan \*apa-apa cara lain** :-

a. Membuat pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;

d. Mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.



b. Membuat pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama kerajaan;

c. Membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan atau apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau

### Peraturan 19 (2), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Pegawai awam tidak boleh, sama ada **secara lisan atau bertulis atau dengan \*apa-apa cara lain** :-

- Membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan kerajaan;
- Memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan perjalanan fungsi Kerajaan;
- Memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan; atau
- Menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain;

Melainkan dengan kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus telah diperoleh terlebih dahulu daripada **Menteri**.

**\*..apa – apa cara lain** termasuklah penggunaan ikon 'Like' atau lain – lain ikon atau tindakan 'Share' dalam media sosial ..'



Di samping itu, adalah diperingatkan bahawa pegawai awam juga tertakluk kepada beberapa peruntukan dalam Peraturan –Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seperti berikut :

- Peraturan 4(1) iaitu seseorang pegawai awam hendaklah pada setiap masa memberikan taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan; dan
- Peraturan 4(2)(d) iaitu pegawai awam tidak boleh berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan nama dan mencemarkan nama perkhidmatan awam.